

# Kerajaan puashati Akta Selaras Industri — Dr.M

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Kerajaan tidak berniat "menghapuskan" Akta Penyelarasan Perindustrian dalam usaha menarik pelaburan asing dan tempatan.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, Kerajaan berpuashati bahawa akta itu — seperti yang ada sekarang — telah mendapat persetujuan dan keyakinan di kalangan pelabur tempatan dan luar negeri.

Beliau menjawab soalan tambahan dari Encik Chan Teck Chan (DAP-Kota Melaka) yang ingin tahu adakah Kerajaan akan menghapuskan akta tersebut memandangkan adanya para pelabur yang menganggap, dari-kacamata mereka, akta itu kurang baik dari segi menarik pelaburan ke negeri ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Kerajaan tidak bercadang menghapuskan akta itu, tetapi bercadang kacamata orang itu, dipecahkan dan diganti dengan kacamata lain."

## Bantah

Anggota DAP itu bangun membantah dengan berkata: "Kacamata yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat itu ditujukan kepada siapa, sama ada para pelabur luar atau dalam negara, kerana saya tidak menyebut kacamata."

Timbalan Perdana Menteri berkata: "Namanya Yang Berhormat itu tidak sedar perkataan yang digunakan tadi."

Menjawab soalan asal dari Encik Fung Kei Wing (DAP-Sandakan), beliau menyatakan, akta tersebut telah dipinda dua kali pada tahun 1977 dan 1979.

Katanya: "Pindaan-pindaan tersebut dibuat setelah Kementerian saya mengadakan beberapa perbincangan dan perundingan dengan pihak swasta untuk membaiki lagi pelaksanaan akta tersebut."

Dengan pindaan-pindaan tersebut, legasnya, Kerajaan berpuashati bahawa akta itu — seperti yang ada sekarang — telah pun mendapat persetujuan dan keyakinan di kalangan pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri tentang tujuan-tujuan dan objektifnya dalam pembangunan perindustrian di negara ini.

Sokongan dan keyakinan terhadap akta ini boleh dilihat daripada perangkaan berhubung dengan pelaburan dalam projek-projek perindustrian yang semakin bertambah dari setahun ke setahun, ujar Datuk Seri Dr. Mahathir.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia